

Headline	TNB Peruntuk RM240,000 Baiki 24 Buah Rumah Pada Tahun Ini		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	200
Order Rank	1	Readership	7
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,950
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,850

TNB Peruntuk RM240,000 Baiki 24 Buah Rumah Pada Tahun Ini

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8133605754&z=1600249404](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8133605754&z=1600249404)

(Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) memperuntukkan RM240,000 untuk membaiki 24 buah rumah di seluruh Semenanjung pada tahun ini menerusi projek mesra rakyat. Naib Presiden (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB Adelina Iskandar berkata setiap rumah diperuntukkan RM10,000 menerusi projek itu. "Dua buah rumah terlibat dalam program ini di Negeri Sembilan dengan penerimanya ialah Pang Ah Tai dari Kampung Gadong Jaya, Labu, dan P. Valiammah dari Bahau," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan projek mesra rakyat TNB peringkat Negeri Sembilan 2013 di Kampung Gadong Jaya, Labu dekat sini hari ini. Projek mesra rakyat merupakan satu daripada program di bawah tanggungjawab sosial korporat TNB untuk meringankan beban golongan kurang berkemampuan yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Projek ini dilaksanakan susulan saranan kerajaan supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti TNB turut melaksanakan peranan membantu kerajaan untuk membaiki rumah kediaman golongan sasaran antaranya penduduk miskin di luar bandar, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya. -- BERNAMA